

20 OCT 2001

REAKSI-DEFISIT

DEFISIT 5.0 PERATUS TIDAK AKAN WUJUD KETIDAKIMBANGAN DALAM EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Anggaran defisit sebanyak lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak dijangka menjejaskan dengan teruk kedudukan kewangan kerajaan atau mengujudkan sebarang ketidakimbangan dalam ekonomi Malaysia.

Pengerusi Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia Datuk Tay Ah Lek berkata Belanjawan 2002 adalah berhemat kerana kerajaan terus mengekalkan lebih akaun semasa yang sihat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan belanjawan itu di Dewan Rakyat semalam, berkata bahawa kerajaan persekutuan dianggarkan mencatat defisit 5.0 peratus daripada KDNK, yang berjumlah RM18.6 bilion tahun depan.

Defisit itu adalah lebih rendah daripada RM22.4 bilion atau 6.5 peratus dalam tahun 2001.

Tay berkata di dalam satu kenyataan di sini hari ini bahawa hutang kerajaan terus rendah dan selanjutnya, defisit boleh dibiayai dengan mudah melalui sumber-sumber domestik dan tidak bersifat inflasi.

"Kerajaan mempunyai ruang bagi langkah fiskal kerana asas-asas ekonomi yang kukuh seperti inflasi yang rendah, hutang luar yang rendah, tabungan negara yang tinggi dan rizab luar yang sihat," tambah beliau.

Tay juga berkata bahawa belanjawan itu dijangka menggalakkan pelaburan swasta dalam sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian, dan tidak dijangka mengenenipkan sebarang pelaburan swasta kerana mudah tunai di dalam ekonomi akan terus banyak.

Kerana mudah tunai yang banyak, belanjawan tidak dijangka menjejaskan kadar faedah yang akan terus kekal rendah dan stabil.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan telah mencadangkan beberapa galakan diberikan kepada sektor-sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan termasuk membenarkan lanjutan tempoh pelaburan semula, duti-duti import ke atas beberapa barangan perantaraan, pengecualian cukai pendapatan bagi industri-industri gantian import, galakan cukai ke atas projek-projek pertanian dan kadar cukai yang dikurangkan ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perdagangan luar pesisir yang menggunakan laman-laman web di Malaysia.

Tay berkata bahawa galakan-galakan yang diberikan kepada sektor-sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan akan mendapat kesan positif ke atas daya saing antarabangsa Malaysia melalui pengurangan besar kos berniaga di Malaysia.

"Ia akan menggalakkan lagi pelaburan oleh perniagaan sedia ada dan pada waktu yang sama, menarik pelaburan langsung asing baru ke Malaysia," tambahnya.

Ketika ekonomi domestik terus mengukuh, ia akan juga mempertingkatkan prestasi sektor perbankan dan kewangan di Malaysia daripada segi pertumbuhan pinjaman yang tinggi dan kualiti aset yang meningkat.

Sementara itu, naib presiden Dewan Perdagangan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Syed Amin Al-Jefri berkata langkah memberikan galakan-galakan kepada sektor perkhidmatan, khususnya, boleh membantu mengukuhkan asas bagi sesetengah industri kecil dan sederhana (IKS).

"DPMM yakin bahawa semua isu yang dicadangkan dalam Belanjawan 2002 boleh mendorong pertumbuhan jangka panjang bagi industri-industri dan ekonomi negara secara keseluruhannya," kata Syed Amin.

Katanya belanjawan itu mesra bukan sahaja kepada perniagaan tetapi para

pengguna akan juga memperolehi keuntungan daripada pengurangan cukai pendapatan individu, kenaikan gaji bagi kakitangan kerajaan dan pengurangan cukai pendapatan bagi koperasi-koperasi dan bukan pemastautin seperti diumumkan di dalam belanjawan.

"Kami menjangka ini akan menggalakkan aktiviti ekonomi," tambahnya. --
BERNAMA

WNZ FR OS